

PENANDA ELIPSIS DALAM CERPEN DARI PERSPEKTIF STILISTIK

Elipsis Sign in Short Stories From Stilistic Perspective

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Morni Hussin, Arbai'e Sujud

nadiatul_shakinah@yahoo.com

Universiti Putra Malaysia (UPM)

ABSTRAK

Stilistik merupakan salah satu cabang ilmu yang berkait dengan bahasa. Bahasa adalah medium perantaraan yang digunakan bertujuan untuk berinteraksi dan berkomunikasi antara manusia. Selain itu, bahasa juga merupakan alat luahan emosi, perasaan dan pemikiran manusia. Bahasa berperanan penting dalam dunia kesusasteraan Melayu. Keadaan ini dapat dibuktikan menerusi penggunaan dan pemilihan diksi dan gaya bahasa dalam karya sastera. Penggunaan elipsis iaitu pengguguran kata dan frasa juga turut dikesan dalam karya sastera. Elipsis dalam karya sastera digunakan untuk memperlihatkan gaya penulisan, mengurangkan jumlah perkataan dan memberi penekanan kepada maksud ayat. Sehubungan itu, kertas kerja ini akan mengenal pasti dan menganalisis penanda elipsis yang tercermin di dalam cerpen terpilih. Cerpen seperti *Kumpulan Cerpen Masitah* karya Mawar Shafei, *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebuhraya* karya Chacho Haji Bulah, *Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi* karya Saifullizan Yahaya serta cerpen-cerpen dalam majalah *Dewan Sastera*, *Dewan Agama dan Falsafah*, *Anis* dan *Dewan Siswa* keluaran antara bulan Januari hingga Disember 2006 digunakan sebagai data kajian. Kertas kerja ini menggunakan kaedah analisis data dan pendekatan stilistik bagi mengukuhkan hujahan data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa penanda elipsis dikesan menerusi pernyataan lisan (*verbal*) dalam dialog dan pernyataan bukan lisan (*non-verbal*) dalam ayat cerpen yang dikaji. Justeru, menerusi kajian ini dapat mengetengahkan dan merungkai persoalan mengenai penanda elipsis dalam karya sastera. Tambahan pula, kajian ini juga dapat menyampaikan ilmu berkaitan stilistik dan panduan kepada pengkaji yang lain agar kesinambungan kajian ini dapat diteruskan.

Kata Kunci: Bukan Lisan; Cerpen; Elipsis; Lisan; Stilistik

ABSTRACT

Stylistic is a part of knowledge that related to language. Language is a mediation that use for interaction and to communicate between humans. Besides, language is emotional, feeling and human being thinking tools. Language is the most important in world of Malay literature. This is can be proven through 'using and election phrase' and language style in literature masterpiece. The use of elipsis is words and phrases abortion also can be recognise in literature masterpiece. Elipsis in literture masterpiece is used to show the writing style, lessen the total words and to give confirmation to the meaning of the sentence. So, this paper will identify and analyse elipsis sign that was highlighted in chosen short stories. For example, Kumpulan Cerpen Masitah by Mawar Shafei, Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya by Chacho Haji Bulan, Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi by Saifullizan Yahaya and short stories in Dewan Sastera, Dewan Agama dan Falsafah, Anis and Dewan Siswa magazines that released between January until December 2006 that used as research data. This paper apply data analysis method and stylistic approach to strengthen data research's argument. The outcome research shows that elipsis sign can be detected through verbal statement in dialogue and non-verbal statement in short stories sentences that had been researched. Hence, through this research, elipsis sign issue in literature masterpiece can be highlighted and be solved. Furthermore, this research also can deliver knowledges related to stylistic and guide the other researchers can persue the research continuously.

Keywords: Non Verbal; Short Story; Elipsis; Verbal; Stilistic

1. PENGENALAN

Aspek penting dalam kajian ke atas bahasa adalah penggunaan stilistik yang berkait rapat dengan ilmu linguistik. Secara amnya, penggunaan stilistik dapat memantapkan penghasilan bahasa terutamanya gaya bahasa dalam sesebuah penulisan sama ada dalam bentuk prosa atau puisi. Stilistik juga sesuai digunakan untuk memperkaya penulisan berbentuk ilmiah yang berkaitan dengan unsur kesusasteraan.

Linguistik merupakan satu bidang kajian tentang bahasa manusia yang dilaksanakan secara ilmiah atau saintifik. Hipotesis, pemerhatian, penelitian dan penganalisisan dibuat

secara empiris dan terkawal di mana kajian yang dibuat adalah berteraskan dengan sesuatu yang dilihat dan didengar di samping mengeneipkan andaian dan sentimen yang bersifat mujarad. Linguistik berasal daripada bahasa Latin *Lingua* yang bermaksud bahasa. Bahasa merupakan satu sistem yang berkaitan dengan rumus-rumus atau elemen-elemen yang saling berkaitan. Rumus-rumus inilah yang berkemungkinan melahirkan ayat yang panjang-panjang dan jumlahnya tidak terbatas.

Dalam pembicaraan stilistik, ia tidak lepas daripada berkaitan tentang bahasa, sekali gus tidak dapat lari daripada pembicaraan tentang manusia. Sehubungan itu, bahasa banyak mempunyai perkaitan dalam kehidupan manusia yang melibatkan komunikasi, interaksi dan kerjasama. Bahasa juga menjadi alat peluahan perasaan dan alat pemikiran seseorang.

Peranan dan tugas bahasa dalam kesusasteraan menjadi tulang belakang kepada pengkajian sesuatu karya sastera. Bahasa dalam genre kesusasteraan bagaikan telah dirancang dan diteliti serta dipilih oleh pengarangnya secara teliti, cermat, teratur dan tepat serta bersesuaian dengan genre yang hendak ditulis. Diksi (pemilihan kata) inilah yang penting dijadikan pegangan dan keutamaan dalam membezakan hasil karya sastera yang tulen dan bermutu dengan yang tidak bermutu serta yang paling utama diksi ini mempunyai nilai-nilai sastera di dalamnya. Antara nilai sastera yang tidak disedari dalam kepengarangan genre adalah penggunaan elipsis yang berkait rapat dengan kata dan frasa yang secara tidak langsung memperlihatkan peri kuatnya atau tidak sesuatu hasil karya itu.

Salah satu penggunaan stilistik adalah untuk menunjukkan perbezaan gaya bahasa yang digunakan dalam suatu cereka antara suatu cara penceritaan dengan cara penceritaan yang lain. Hal ini ada hubungkaitnya dengan penggunaan elipsis dalam ayat atau sintaksis. Menurut Radiah Yusoff (2002) elipsis adalah peninggalan atau penghapusan sekurang-kurangnya satu unsur dalam sesuatu struktur untuk menghasilkan satu lompong. Lompong ini pula boleh diisi maklumat dengan melihat konteks keseluruhan untuk mendapatkan kesempurnaan makna yang hendak disampaikan oleh pcnulis atau pengujar sesuatu struktur itu.

Selain itu, Wong (1993) menyatakan bahawa elipsis melibatkan proses pengguguran dalam erti kata transformasi generatif. Dalam hal ini, sesuatu kata atau frasa boleh digugurkan pada ayat berikutnya jika maklumat tersebut telah dinyatakan secara jelas pada ayat

sebelumnya. Elipsis atau pengguguran berlaku untuk maklumat lama dan unsur yang mengalami pengguguran itu dapat dapat dikesan daripada konteksnya. Selain kata dan keseluruhan frasa kerja, hampir mana-mana bahagian sesuatu ayat boleh digugurkan (Hirst, 1981). Oleh yang demikian, perkara berikut sering dikaitkan dengan tujuan elipsis, iaitu mempelbagaikan stail penulisan, mengurangkan jumlah perkataan dan ruang yang diperlukan untuk tujuan percetakan dan untuk penekanan maksud dalam ayat.

2. PERNYATAAN MASALAH

Aspek stilistik merupakan antara aspek yang penting dalam dunia pengkaryaan seseorang penulis. Malahan setiap penulis terutamanya dalam karya bercorak sastera akan melalui aspek ini dalam menyatakan hasil fikiran dan luahan perasaan mereka. Kajian ini berlandaskan persoalan atau permasalahan mengenai stilistik yang menekankan tumpuan terhadap aspek elipsis. Oleh itu, bidang ini dapat dimanfaatkan oleh para pengkarya untuk menghasilkan karya yang mempunyai nilai mutu yang tinggi.

Kajian yang dilakukan berhubung aspek stilistik ini lebih memberi tumpuan kepada elipsis dengan mengaitkan gaya bahasa dan estetika bahasa dalam pernyataan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*). Perkara ini dilakukan terutama yang berkaitan aspek permasalahan bahasa yang melibatkan elipsis yang kurang diberikan tumpuan. Hal ini demikian kerana pandangan dan kepentingan bidang stilistik ini tidak diselami dan tidak diterokai secara lebih mendalam. Sebenarnya, jika diamati, dalami, terokai dan selami bidang stilistik ini, penulis mampu menghasilkan karya yang bermutu terutama hasil karya berunsur sastera.

Secara khususnya, kupasan terhadap persoalan ini dibuat dengan melihat stilistik dalam cerpen dengan berfokuskan elipsis dalam ayat yang mempunyai diksi bukan lisan (*non verbal*) dan kata penegas dalam lisan (*verbal*). Hasilnya nanti mampu menilai perkembangan dan pematapan pemikiran pengarang daripada aspek stilistik terhadap idea dan isu-isu yang dikemukakannya dalam penulisan terutamanya dalam pembentukan ayat dan dialog dalam cerpen.

2.1 Objektif Kajian

Kertas kerja ini akan mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur stilistik iaitu penanda elipsis dalam *Kumpulan Cerpen Masitah* karya Mawar Shafei, *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya* karya Chacho Haji Bulah dan *Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi* karya Saifullizan Yahaya serta cerpen-cerpen dalam majalah *Dewan Sastera*, *Dewan Agama dan Falsafah*, *Anis* dan *Dewan Siswa*, keluaran antara bulan Januari hingga Disember 2006.

3. METODOLOGI

3.1 Prinsip Pendekatan Stilistik

Pendekatan stilistik merupakan pendekatan yang mempunyai pertalian yang erat dengan ilmu linguistik. Sebenarnya ia adalah cabang atau pecahan daripada linguistik gunaan dan linguistik terapan yang kajiannya melibatkan keseluruhan karya sastera yang berpusat kepada penggunaan bahasa. Justeru, stilistik melihat penggunaan bahasa secara teori serta aplikasi linguistik dan penggunaan teknik serta mekanisme linguistik.

Dalam menggunakan pendekatan stilistik, seseorang pengkritik harus memahami metodologi kritikan stilistik yang mempunyai beberapa prinsip dan konsep yang harus dipatuhi. Jika diteliti metodologi kritikan stilistik ini mempunyai beberapa prinsip dan konsep (Arba'ie Sujud, 2007), iaitu:

Pertama, menganggap atau mengiktiraf bahasa sebagai punca kegiatan berkreatif. Kecekapan dan kemampuan berbahasa, apalagi mengeksploitasi segala dimensi perbahasan untuk sesebuah karya dianggap sebagai bakat. Bakat bagi pendekatan ini ialah kemampuan berbahasa. Sehubungan dengan itu, seseorang pengarang atau bakal pengarang, kepandaian berbahasa sangatlah dituntut. Ini tidak semestinya ia ahli berbahasa atau linguist yang mahir dan hafal dengan kaedah dan rumus-rumus tatabahasa. Kemampuan atau keluarbiasaannya menggunakan bahasa terutama yang bercorak kreatif, sangat dihormati dan dinilai dalam pendekatan ini. Dalam hal ini, analisis itu tidak sahaja semata-mata dalam lingkungan pengaplikasian bahasa tetapi juga menjangkaui kepersisan bakat berbahasa penulisnya.

Kedua, berhubung dengan pengertian umum. Stilistik ialah menganalisis aspek penggunaan bahasa dan aspek-aspek perbahasan dalam karya, tetapi dalam pengertian yang khusus, ia berfungsi menganalisis keseluruhan karya tersebut. Maksudnya, stilistik membincangkan aspek persoalan tema, pemikiran dan falsafah karya di samping aspek makna atau semantik. Makna dan semantik diertikan sebagai persoalan dan tema karya tersebut. Dalam hal ini, pentafsiran makna ayat melibatkan makna yang mudah difahami, mudah dimengerti, banyak maksud dan mempunyai makna simbolik. Cuma dari segi penekanan makna dari sudut pendekatan stilistik berbeza dengan penghuraian tema dalam pendekatan struktural.

Ketiga, penekanan yang agak penting dan utama dalam penyelidikan dan analisis stilistik ialah melihat gaya peribadi atau stail individualisme. Menurut Murray (1960), gaya menjadi milik penulis seperti warna kepada pelukis. Ertinya setiap pengarang mempunyai gaya masing-masing, sama seperti pelukis mempunyai kegemaran memilih warna mereka. Gaya itu bukanlah teknik penulisan, bukan mekanisme dan cara menggunakan bahasa, tetapi gaya yang sebenarnya ialah corak penulisan yang dapat mewakili diri seseorang. Dalam erti kata lain, gaya ialah hasil kejayaan seseorang pengarang menggunakan bahasa yang dapat memperlihatkan peribadi dan keunggulannya dalam karya. Di samping itu, akan ditemui juga beberapa perbezaan dari segi gaya dan juga teknik penulisan bagi seseorang pengkarya dengan pengkarya yang lain. Perbezaan ini berlaku adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya melibatkan pengalaman peribadi penulis itu sendiri, latar belakang pendidikan, sikap dan keperibadian pengkarya itu (Capman, 1973).

Keempat, disebabkan sesebuah karya itu terdapat berbagai-bagai jenis dan kategori perkataan dan ayat. Stilistik akan membuat huraian terhadap pembentukan ayat dan pemilihan perkataan. Ini bermaksud menghuraikan istilah tertentu seperti homonim, enfon, lacana, sinkof, katalek, apodosis, paronomasia dan sebagainya. Bahasa daerah, bahasa pasar, bahasa berdaftar dan ungkapan-ungkapan lain, termasuk juga dalam kajian stilistik, iaitu terhadap pembentukan perkataan dan pembinaan ayat. Kajian-kajian terhadap bahasa daerah dan bahasa pasar mempunyai pertalian dengan cabang linguistik yang berurusan dengan aspek kemasyarakatan, iaitu sosiolinguistik dan dialektologi. Secara tidak langsung, seorang pengkaji memerlukan sedikit sebanyak pengetahuan dalam sosiolinguistik dan dialektologi.

Kelima, sesuai dengan peranan pendekatan stilistik, yang bukan sahaja mengkhususkan bidangnya dalam lingkungan dunia teori dan praktis pembahasan dalam karya dan membuat analisis terhadap perwatakan. Analisis stilistik terhadap komponen tema berbeza dengan pendekatan yang diamalkan oleh struktural, maka huraianya dalam aspek perwatakan ini juga mempunyai metodologinya tersendiri. Hal ini berdasarkan penggunaan bahasa atau daripada dialog, monolog, monolog dalaman dan khayalan watak dalam karya tersebut. Menurut Leasky (1970) dan Carrol (1960), bagi mengenal pasti atau mengidentifikasikan perwatakan, hendaklah digunakan kaedah analisis statistik. Sikap dan perwatakan diri penulis tercerap dalam karya yang dihasilkan . Keadaan ini dapat dikesan melalui pemilihan kata dan diksi yang kerap atau sering diungkapkan oleh penulis bagi menyampaikan pemikirannya. Misalnya, seseorang yang sering menggunakan perkataan susah, tinggi dan abstrak dengan penyusunan ayat yang kompleks dan panjang dianggap bahawa penulisnya seorang yang gemar kepada sesuatu yang bersifat intelektual seperti yang dapat dikesan pada sajak Muhammad Haji Salleh yang mana penggunaan kata dan diksinya bersifat abstrak (Mana Sikana, 1976).

Keenam, pendekatan stilistik juga menekankan penelitian tentang bagaimana sesebuah karya sastra itu dihasilkan. Beberapa pendekatan telah dapat mengemukakan beberapa teori dan praktis yang menunjukkan bagaimana proses penciptaan itu berlaku. Pendekatan sosiologikal menyatakan bahawa penciptaan adalah hasil dorongan kemasyarakatan, pendekatan moral menemui teori pengarang mahu mengajar sesuatu dengan pendekatan psikologikal pula berhasil menyuguhkan hubungan sublimasi dengan peranan separuh sedar manusia yang menggerakkan seseorang itu untuk berkarya.

Penerapkan pendekatan stilistik untuk menganalisis penghasilan sesebuah karya sastra, beberapa disiplin linguistik digunakan. Antaranya ilmu psikolinguistik, neurolinguistik dan sociolinguistik. Penerapan disiplin atau cabang ilmu bahasa ini berasaskan prinsip bahawa bahasa merupakan aspek penting dalam pendekatan stilistik. Segala yang berhubungan dengan aspek kebahasaan dijadikan rujukan penting dalam pendekatan ini. Penggunaan perkataan, pemilihan kata dan pembinaan ayat diterapkan bagi mengungkapkan pemikiran penulis.

Menurut Murray (1960), gaya adalah milik penulis di mana mereka mempunyai gaya penulisan tersendiri yang dapat diteliti menerusi sesuatu zaman penglahiran karya tersebut, kumpulan, aliran dan sebagainya. Semua berkemungkinan disebabkan oleh peristiwa, gaya,

politik, ekonomi dan sebagainya yang turut membantu serta mengukuhkan konflik di dalam sesebuah karya yang ditangani.

Pendekatan ini juga dapat digunakan untuk mengenal gaya peribadi penulis. Berdasarkan kaedah yang sama, iaitu analisis penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam berkarya akan dapat diperoleh satu kesimpulan untuk mengenal identiti pengarang. Sehubungan itu, kajian ini dapat melihat sejauhmana kreativiti dan keperibadian pengarang dalam menggunakan bahasa yang mantap dan tepat dalam melahirkan gaya karya yang menarik. Peranan yang dimainkan oleh linguistik dalam penghayatan, pengapresasian dan penilaian karya sastera amatlah besar. Tumpuan terhadap aspek bahasa ini sejak zaman Greek lagi telah melahirkan pendekatan stilistik yang bukan sahaja mendatangkan kebaikan pengkarya tetapi dapat juga memberikan kepuasan kepada pembaca dan peminat sastera dalam usaha menikmati hasil karya yang dibaca.

Berkaitan dengan kajian ini, penulis akan menumpukan dan memberi perhatian kepada karya sastera genre kumpulan cerpen dengan menganalisis dari sudut pendekatan stilistik yang menggunakan elipsis sebagai penguat kajian. Kajian ini memperlihatkan bahawa pendekatan stilistik terhadap bahan-bahan sastera dapat mencapai dan membuktikan elipsis digunakan tanpa disedari di dalam hasil kesusasteraan Melayu. Sementara itu, bahan kajian (*sampling*) yang menggunakan tiga kumpulan cerpen yang ditulis menggunakan bahasa Melayu dan cerpen yang diterbitkan dalam beberapa buah majalah dapat merungkai elipsis dalam cerpen. Pendekatan ini bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ini kerana selain stilistik yang memberikan perhatian kepada bahasa dan gaya bahasa, stilistik juga merupakan salah satu cabang kajian tentang elipsis yang dapat dilihat dari unsur penggunaan sesuatu kata. Justeru, amat bersesuaian penerokaan elipsis digiatkan untuk melengkapi penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini.

4. PENANDA ELIPSIS DALAM CERPEN

Dalam analisis ini akan diutarakan elipsis yang berkaitan dengan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*) yang berkait dengan sintaksis yang terdapat dalam dialog dan ayat, dalam masa yang sama juga melibatkan penanda elipsis, iaitu penanda yang mengalami pengguguran perkataan atau frasa. Bahan kajian dalam analisis ini menumpukan *Kumpulan Cerpen Masitah*

karya Mawar Shafei, *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya* karya Chacho Haji Bulan dan *Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi* karya Saifullizan Yahaya untuk aspek yang melibatkan lisan (*verbal*) iaitu yang melibatkan ayat-ayat dialog. Manakala sentuhan ayat yang berkaitan dengan bukan lisan (*non verbal*), pengkaji menggunakan cerpen-cerpen dalam majalah antara keluaran Januari hingga Disember 2006 seperti *Dewan Sastera*, *Dewan Agama dan Falsafah*, *Anis* dan *Dewan Siswa*. Dalam menganalisis elipsis, pengkaji membahagikan penganalisisan kepada dua bahagian, iaitu:

- i. Penanda elipsis yang ditandai dengan pernyataan lisan (*verbal*) dan mengaitkan kata penegas dalam dialog.
- ii. Penanda elipsis yang ditandai dengan pernyataan bukan lisan (*non verbal*) dalam ayat yang diperlihatkan dalam cerpen majalah tersebut.

Penggunaan pendekatan stilistik mampu memperlihatkan gaya keperibadian seorang penulis. Dengan pembentukan satu penyusunan diksi dan struktur ayat mampu mencerminkan kemantapan keperibadian seseorang pengarang. Ketiga-tiga pengarang kumpulan cerpen yang dipilih itu mempunyai cara dan gaya tersendiri hingga mampu menerapkan unsur stilistik hingga karya mereka boleh dijadikan kajian dalam mencungkil penanda elipsis untuk mengaitkan dengan kata partikel sebagai tanda.

4.1 Penanda Elipsis Yang Ditandai Dengan Pernyataan Verbal

Kata penegas yang juga disebut partikel atau kata penyerta ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Penggunaan partikel *-lah* merupakan penegas prediket yang menegaskan frasa prediket atau bahagian-bahagian. Bahagian yang berkenaan biasanya mengalami proses pendepanan. Misalnya, dalam dialog *Kumpulan Cerpen Masitah* karya Mawar Shafie terdapat partikel yang menegaskan frasa predikat yang melibatkan partikel *-lah*. Perhatikan contoh petikan cerpen Cinta Masitah seperti yang berikut:

“Wahai anak-anakku **kenali** sisa sejarah untuk menjadi manusia yang lebih bermakna di mata Tuhan dan sesama manusia.”

(Cinta Masitah, 2007: 6)

Watak ‘saya’ mengharapkan anak-anaknya mengenal sejarah dan menghargainya untuk jalan hidup seterusnya. Tetapi dengan kelembutan suara dan harapannya watak ‘saya’ seolah-olah tidak memaksa secara kasar dan tidak menggunakan **kenalilah** tetapi menyatakan secara berhemah yang mana penulis menggugurkan partikel **-lah**. Ini menjadikan dialog itu lebih sopan dan halus tuturnya.

“Wahai anak-anakku **kenali [-lah]** sisa sejarah untuk menjadi manusia yang lebih bermakna di mata Tuhan dan sesama manusia.”

(Cinta Masitah, 2007: 6)

Seterusnya, dalam *Kumpulan Cerpen Masitah*, dialog yang digunakan dapat menggambarkan estetika penggunaan diksi yang amat menarik. Justeru, secara tidak langsung perwatakan diri penulis tercerap dalam karyanya. Diksi yang digunakannya dalam ayat terkandung elipsis yang berkaitan dengan verbal digunakan agar ayat yang dihasilkan mudah difahami oleh pembaca. Contoh frasa dialog berikutnya, jika dikaji dan dibaca dengan teliti terselit kata penegas frasa predikat apabila ia mengalami proses pendepanan. Perhatikan dialog cerpen Cinta Masitah seperti yang berikut:

“Ah, saya sebenarnya seperti katamu, ingin saja menjadi pendamai. Apakah yang lebih baik lagi daripada melihat keamanan di mana-mana. Tiada sengketa. Tiada durja. Tiada air mata. Tiada darah yang tumpah. Tiada api amarah yang sentiasa menyala . Tiada mengadu domba. Tiada segala yang bernama kesengsaraan. Tapi, bagaimana ya, selagi putaran bulat bumi belum lagi berhenti, selagi manusia terus diuji, dan ternyata mereka terus diduga, selagi **itulah** segala kesengsaraan akan bergantung di mata kita. Perhatikan saja konflik Pulau Selatan dengan negaramu, hanya kerana air kita bertingkah. Kerana air yang diberi Tuhan untuk diguna semua atas nama kebajikan manusia, akhirnya menjadi mauduk perseteruan yang entah bila sudahnya.”

(Cinta Masitah, 2007:9)

Dalam menyatakan partikel **-lah** ini juga terdapat dalam ayat yang mengalami pertautan dengan maksud yang sebelumnya yang digunakan untuk melembutkan perbualan. Konstituen ayat ini juga mengalami proses pendepanan. Dalam ayat **selagi itulah** kembali pada ayat yang sebelumnya.

Selain itu, cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya* oleh Chacho Haji Bulah kurang menggunakan dialog dalam cerpen-cerpennya. Walau bagaimanapun,

pengkaji telah meneliti unsur-unsur partikel yang digunakan dalam beberapa ayat dialog. Pengkaji mendapati bahawa terdapat unsur pcnanda elipsis yang mengalami pengguguran partikel, iaitu *-lah*, *-kah*, *memang*, dan *hanya*.

Dalam pengguguran partikel *-lah*, pertautan ayat berlaku dengan ayat yang sebelumnya. Amati dialog berikut yang diperlihatkan menerusi kata **bukan** yang boleh ditambah menjadi **bukan[-lah]** dan ayatnya bertaut dengan ayat yang sebelumnya. Hal ini kerana diantaranya mempunyai perkaitan maksud. Ini jelas partikel *-lah* itu menjadi penegas kata bagi perkataan yang melibatkan ‘angka’. Kehadiran partikel *-lah* sebagai kata penegas frasa predikat tidak menyalahi hukum tatabahasa dan berhubung perkaitan stilistik pula ia menjadi elemen diksi yang melengkapkan karya penulis. Perhatikan contoh petikan teks dalam cerpen Satu seperti yang berikut:

“Angka satu yang bersifat negatif itu merupakan angka satu yang bersifat tidak popular. Ianya angka yang diterbalikkan. Angka itu bukan [-lah] bersifat terbilang seperti angka satu yang sebenarnya, tetapi ianya merupakan angka satu yang bersifat terkebawah sekali. Angka satu dalam hal itu menggambarkan nilai negatif akan sesuatu keadaan, bukan daripada sudut nilai positif.” (Satu, 2008:13)

Tetapi sekiranya partikel *-lah* itu tidak dilengkapkan atau digugurkan dalam ayat tersebut, partikel itu tidak mencatitkan ayat kerana ayat tersebut adalah ayat dialog. Selain itu, terdapat juga contoh lain dalam Kumpulan Cerpen Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi karya Saifullizan Yahaya. Walaupun, penulis kurang menggunakan dialog dalam karyanya namun, pengkaji berhasil mengesan beberapa petikan dialog sebagai bukti elipsis yang juga terkandung dalam penulisannya. Ketegasan dialog di bawah yang ditandai dengan partikel *-lah*, tidak mencatitkan dialog tersebut. Hal ini menggambarkan gaya halus penutur walaupun perkara yang dinyatakan itu sebenarnya perlu tegas. Contoh petikan dapat diperlihatkan menerusi cerpen Alison@Nur Aidi seperti yang berikut:

“Nur sudah besar dan dia harus merasakan kegembiraan mengharungi usia remajanya dan kita tidak perlu [-lah] menghalangnya,” kata isterinya. (Alison@ Nur Aidil, 2008: 6)

Sekiranya ayat tersebut diletakkan partikel *-lah* dengan menjadi **perlu [-lah]** seolah-olah menggambarkan penuturnya garang dan tegas. Ini kerana maksud yang dinyatakan dan

yang dibawanya seolah-olah memujuk orang yang kedua agar menerima pendirian orang yang dimaksudkan, iaitu watak Nur yang perlu diberi peluang mengharungi usia remajanya dengan cara yang sesuai.

Berhubung dengan partikel **-kah** pula, ia merupakan kata penegas frasa predikat yang hanya berlaku apabila frasa predikat atau bahagian yang ditegaskan itu mengalami proses pendepanan. Penulis *Kumpulan Cerpen Masitah* telah melakukan unsur penanda pengguguran ini dalam beberapa dialog cerpennya. Misalnya, penggunaan pada kata tanya 'apa.' Contoh petikan dalam cerpen Laman Pesona seperti yang berikut:

Apa [] yang harus kita lakukan terhadap akhbar *Laman Harian* ?
Saman malu ? Oh, demi Tuhan, saya tidak melakukannya!
Percayalah. (Laman Pesona, 2007: 62)

Kata tanya 'apa' yang terletak di awal ayat perlu mengalami proses pendepanan kerana bentuk yang menerima partikel **-kah** mesti dikedepankan seperti yang diperlihatkan dalam ayat yang berikut:

Apa [-kah] yang harus kita lakukan terhadap akhbar *Laman Harian* ?
Saman malu ? Oh, demi Tuhan, saya tidak melakukannya!
Percayalah. (Laman Pesona, 2007: 62)

Sekiranya partikel **[-kah]** terletak di belakang ayat, ayat yang mengandungi partikel tersebut akan menyalahi hukum tatabahasa kerana partikel **[-kah]** merupakan bentuk pascafrasa. Dalam penulisan karya terutamanya bergenre cerpen mampu untuk menghasilkan corak penulisan yang mempunyai cara dan gaya yang perlbagai. Hal ini dapat diperlihatkan menerusi penggunaan elemen bahasa yang menjadi wahana pengucapan yang indah. Penulis cerpen juga mampu menghasilkan pelbagai bentuk ayat yang mudah difahami oleh pembaca tanpa disadari ayat tersebut mengalami unsur pengguguran kata. Misalnya seperti contoh yang berikut:

“Kau tahu [] apa makna gerhana?”
(Dari Sumur Masitah, 2007:88)

Gaya penulisan tersebut membolehkan untuk meletakkan partikel **[-kah]** yang lompong dalam ayat tersebut dan menjadikan ayat yang tiada kata tanya menjadi ayat tanya. Ini jelas di lihat dalam:

“Kau tahu **[-kah]** apa makna gerhana?”
(Dari Sumur Masitah, 2007: 88)

Berdasarkan perkara yang telah dihuraikan berhubung dengan partikel **-kah** dalam *Kumpulan Cerpen Masitah*, ia jelas menggambarkan bahawa partikel **-kah** lebih sesuai diletakkan selepas kata tanya bagi melengkapkan dan menguatkan ayat tanya. Sekiranya diletakkan dibelakang frasa partikel itu akan menyalahi hukum tatabahasa. Walaupun dalam *Kumpulan Cerpen Masitah* dapat dijumpai partikel **-kah** dapat diletakkan dalam ayat tanpa kata tanya tetapi apabila partikel **-kah** diletakkan ia menjadi ayat yang sekiranya dinadakan dengan nada penyoalan boleh menjadi pertanyaan.

Tetapi ketiga-tiga dialog yang dapat pengkaji kesan dalam *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya*, partikel **-kah** tidak digunakan dalam ayat tanya pada ayat dialog. Walau bagaimanapun, ayat tersebut tidak boleh dihukum salah kerana ayat tersebut adalah ayat dalam dialog yang penulis tulis berasaskan sebab tuturan dan lompong. Ayat tersebut juga tidak mencatitkan ayat dan maksudnya. Cuma jika dikaji elipsisnya memang ayat ini wajar dilengkapi dengan partikel **-kah**. Lihat dialog di bawah sebagai contoh:

“Di mana **[-kah]** kita?” Aku telah mengajarkan engkau supaya mengetahui tempat ini. sudah berkali-kali aku memberitahumu supaya mengenali tempat ini. Ia suatu lembah yang dalam. Dalam sekali. Dinding lembah ini, curam. Curam sekali. Kecuramannya menjunam ke bawah.”
(Lembah, 2008: 72)

Tuturan di atas menyoalkan bersabit dengan tempat. Oleh itu, adalah wajar untuk digunakan kata tanya ‘Di mana’ sekiranya elipsis ayat itu dilengkapi dengan partikel **-kah**, akan menjadi “Di mana **[-kah]** kita ?” Perkara ini juga jelas berlaku dalam kedua-dua dialog di bawah. Jelas dilihat kata tanya digunakan dalam dialog tanpa menggunakan partikel **-kah** kerana tidak menjejaskan maksud pertanyaan dan tidak menjejaskan ayat tanya tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya dikaji elipsisnya, ayat-ayat soal ini memang boleh dilengkapi lompongnya. Keadaan ini dapat dilihat penulisnya seolah-olah berhati-hati dalam berkarya.

Penulis bukan sahaja menulis dalam lingkungan pengaplikasian bahasa tetapi juga boleh menjangkau kepersis bakat bahasanya dalam menyesuaikan stilistik dan perkaitannya dengan linguistik. Perhatikan contoh berikut:

“Apa maksud tuan di sebalik kata-kata itu?”
(Renaisans, 2008: 101)

Dialog di atas menjadi lengkap seperti di bawah dan pertanyaannya menjadi lebih tegas serta menepati hukum-hukum dalam tatabahasa:

“Apa [**-kah**] maksud tuan di sebalik kata-kata itu?”
(Renaisans, 2008: 101)

Begitu juga dengan dialog berikut, jelas adalah ayat tanya yang dilengkapi dengan kata tanya dan tanda baca soal. Sekiranya tidak dilengkapi dengan partikel **-kah**, ayat tersebut masih tidak menyalahi hukum tatabahasa dan masih jelas ayat itu adalah ayat tanya.

“Bagaimana kita dapat membentuk diri kita supaya kita boleh menjadi insan yang cemerlang?” (Insan Hadhari, 2008: 127)

Sekiranya dialog tersebut dapat dilengkapi lompongnya dengan partikel **-kah**, ayat tersebut menjadi ayat soal yang tegas dan boleh dikategorikan sebagai ayat tanya terbuka seperti pada ayat di bawah:

“Bagaimana [**-kah**] kita dapat membentuk diri kita supaya kita boleh menjadi insan yang cemerlang?”
(Insan Hadhari, 2008: 127)

Situasi pernyataan tersebut berlaku juga dalam contoh dialog yang berikut. Dialog yang lengkap dengan ayat soal yang mudah dan mencukupi sifat sebagai ayat dialog tidak nampak kecacatan dalam membina ayat dan menepati hukum tatabahasanya.

“Ke mana kau pergi Oren?” soalnya sambil dia mengusap-usap belakang kucingnya itu. (Oren, 2008: 61)

Sekiranya penulis meletakkan partikel *-kah* pada kata tanya ‘ke mana’ seolah-olah penegasan yang dilakukannya dalam ayat soal itu tidak bermakna. Hal ini kerana yang ditanya adalah seekor binatang yang sudah pastinya tidak akan menjawab persoalan tersebut.

“Ke mana[*-kah*] kau pergi Oren?” soalnya sambil dia mengusap-usap belakang kucingnya itu. (Oren, 2008:61)

Seterusnya, dapat dilihat menerusi kata penegas **memang**. Kata penegas **memang** merupakan kata penegas yang bersifat bebas dari segi kehadirannya dalam ayat sama ada subjek atau predikat. Ini dapat dilihat dalam dialog berikut:

“Kau menyelam ke dasar segera seperti ini terus mencari isten dan anakmu. Kau [] akan sentiasa menemui mereka.” (Cinta Masitah, 2007: 11)

Lompang ini kurang disedari pembaca kerana perkataan ‘kau’ yang berulang itu menggambarkan mudahnya ayat tersebut untuk difahami. Sekiranya lompang ayat itu terisi dengan kata penegas ‘**memang**’, ia akan menjadi lebih mantap apabila dituturkan:

“Kau menyelam ke dasar segera seperti ingin terus mencari isteri dan anakmu. Kau [**memang**] akan sentiasa menemui mereka.” (Cinta Masitah, 2007 : 11)

Seterusnya, dalam *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya*, kata penegas **memang** berfungsi menegaskan kedua-dua bahagian ayat, iaitu frasa nama sebagai subjek atau bahagiannya atau frasa predikat atau bahagiannya dapat di kesan. Diperturunkan contoh daripada kumpulan cerpen ini sebagai bukti.

“Wilayah itu wilayah yang tidak berpenghuni. Tiada siapa yang ada di wilayah itu. Wilayah itu telah wujud sebagai wilayah...”
“Wilayah untuk kami berdua?”
“Ya, **memang** betul!” (Wilayah, 2008: 49)

4.2 Penanda Elipsis yang Ditandai dengan Pernyataan Non Verbal

Dalam pergaulan, pergerakan dan kehidupan seharian manusia, manusia tidak hanya menggunakan kata-kata untuk mengungkapkan atau melahirkan sesuatu yang mereka rasakan,

sesuatu yang mereka luahkan atau sesuatu yang mereka ingin sampaikan. Tetapi bahasa tubuh juga menyiratkan sesuatu perkara yang dirasakan atau difikirkan oleh seseorang. Hal ini adakalanya lebih signifikan daripada luahan kata seperti perlakuan anggota tubuh yang menggeleng, mengangguk, mengenyit, senyum dan mencebik.

Variasi daripada pergerakan tubuh ini merupakan bahasa tubuh yang di dalamnya terkandung hasrat individu agar dapat disampaikan dengan lebih bersedia dan berketrampilan. Perkara ini adalah suatu yang positif yang boleh diperhatikan atau berorientasi dengan orang lain agar masyarakat saling mengenal perasaan dan dapat membantu memahami perkara yang dihasratkan.

Cerpen 'Khairunnisa' dalam *Dewan Sastera* memperlihatkan ayat elipsis yang melibatkan pernyataan bukan lisan (*non verbal*) banyak digunakan oleh penulis cerpen ini. Hal ini kerana cerpen ini merupakan cerpen khayalan dan ayat-ayat yang digunakan merupakan ayat-ayat yang mudah dan ringkas untuk pembaca memahaminya.

“Nisa? Gadis itu **lantas mengangguk**. **Sambil** Khairunnisa
membetulkan cara duduknya. (Nadiyah Zaini, Februari 2007)

Dalam ayat di atas, **mengangguk** membawa maksud tanda setuju mengikut andaian pembaca. Perbuatan mengangguk ini hanya melibatkan anggota badan bahagian kepala sahaja. Perkataan ini berkaitan dengan elemen elipsis *non verbal*. Gaya bahasa ayat ini juga amat mudah dan perkataan ini adalah kategori kata kerja yang berimbuhan Me-. Klausa di atas juga boleh diselitkan dengan perkataan **lantas** dan boleh dijadikan satu frasa dengan membawa maksud yang sama tanpa menggunakan tanda nokhtah. Kata **lantas** diselitkan dalam frasa dan menjadikan frasa itu lebih indah. Manakala, kata hubung **sambil** diselitkan agar klausa di atas dapat membentuk ayat majmuk. Selain itu, terdapat juga contoh lain dalam cerpen tersebut seperti ayat pertuturan berikut:

“Jangan pergi!” tegah Adian. Khairunnisa **memusingkan** badannya
menghadap Adian. Dia tersenyum seolah-olah puas memberitahu
Adian kisah hidupnya. (Nadiyah Zaini, Februari 2007)

Perkataan **memusingkan** menggambarkan non verbal dalam penggunaan ayat di atas. Perkataan itu juga membawa erti pergerakan yang pantas, malah ia boleh digantikan dengan

perkataan **memalingkan**. Begitu juga perkataan **sambil** yang merupakan kata hubung boleh diselitkan untuk mengindahkan lagi frasa tersebut. **Dia** juga boleh melengkapkan ayat di atas yang dianggap ayat elipsis. Pernyataan ini boleh dilengkapkan seperti di bawah:

“Jangan pergi!” tegah Adian. Khairunnisa **memalingkan** badannya menghadap Adian **sambil** tersenyum. **Dia** seolah-olah memberitahu kisah hidupnya.

Cerpen ‘**Pendidik**’ dalam majalah *Dewan Agama dan Falsafah* mengisahkan keluarga berunsur msyarakat yang mendorong penulis untuk menggunakan dialog dalam melengkapkan cerpennya. Dialog yang digunakan juga dapat menggambarkan estetika penggunaan diksi yang amat menarik. Elipsis yang berkaitan bukan lisan (*non verbal*) turut digunakan agar ayat yang dihasilkan mudah difahami oleh pembaca. Beberapa contoh frasa dapat dihuraikan berdasarkan beberapa elipsis bukan lisan (*non verbal*) yang digunakan.

Aku **menguis-nguis** beberapa ekor udang dengan garpu.
(*Dewan Agama dan Falsafah*: September 2005)

Ayat tersebut kelihatan mudah untuk difahami. Namun, terdapat beberapa lompong elipsis yang dapat melengkapkan dan menyempurnakan supaya ayat ini menjadi lebih gramatis dengan mengisi perkataan yang menggambarkan tempat seperti **di dalam pinggan** dan perkataan berimbuhan yang melengkapkan perbuatan **menggunakan** seperti ayat di bawah. **Menguis-nguis** juga digambarkan sebagai bukan lisan (*non verbal*) untuk pernyataan melakukan sesuatu. Ayat di bawah dapat memperlihatkan lompong elipsis dalam ayat yang dapat diisi dan dilengkapkan:

Aku **menguis-nguis** beberapa ekor udang **di dalam pinggan** dengan **menggunakan** garpu.

Petikan ayat di bawah juga terdapat lompong elipsis yang boleh dilengkapkan menjadi ayat yang gramatis.

“Ah.. ah, kalau masuk kelas tu jangan senyum. Nanti mereka ingat kita ni kawan mereka, bukan guru,”
(*Dewan Agama dan Falsafah*: September 2005)

Ayat di atas terdapat lompong elipsis yang boleh dibina semula agar ayat tersebut boleh terbina dengan mengikut sintaksis yang sebenar. Kata sendi **ke** boleh diselitkan sebelum perkataan **kelas**. Partikel **-lah** boleh digunakan selepas perkataan **jangan**. Partikel **-lah** merupakan penegas predikat yang menegaskan frasa predikat atau bahagian-bahagian. Bahagian yang berkenaan biasanya mengalami proses pendepanan. Perkataan senyum yang merupakan bukan lisan (*non verbal*) boleh di sertakan dengan imbuhan **ter-**.

“Ah... ah, kalau masuk **ke** dalam kelas tu jangan**lah tersenyum**.
Nanti mereka ingat kita kawan mereka, bukan guru.”

Petikan di bawah pula terdapat penanda elipsis yang boleh memendekkan ayat. Perkara ini berkaitan dengan mengekonomikan pembinaan ayat. Penulis cuba membina ayat yang mudah tanpa menjejaskan maksud yang hendak disampaikan. Ini dapat dilihat pada ayat di bawah:

Bermacam-macam cara yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menggalakkan lagi anak-anak muda sepertiku menceburi bidang ini. Ada yang ingin menjadi guru disebabkan gaji yang lumayan, tetapi tanggungjawab yang dipikul tidak diambil berat. Aku tidak mahu menjadi guru yang [**sebegitu**]. Aku mahu menjadi seorang pendidik yang sekurang-kurangnya dapat meninggalkan kesan ke dalam diri murid-muridku nanti.

(*Dewan Agama dan Falsafah*: September 2005)

Penanda elipsis tersebut mengalami pengguguran perkataan atau frasa terdapat pada perkataan **sebegitu** yang merujuk kepada tanggungjawab yang dipikul tetapi tidak diambil berat. Elipsis ini membawa maksud ayat selepasnya mempunyai sama maksud dengan ayat yang sebelumnya.

Penulis cerpen ‘**Di sini Cintaku Bersemi**’ dalam majalah *Anis* pula lebih santai dengan menggunakan bahasa yang mudah, indah dan dapat difahami. Hal ini kerana wujudnya kesesuaian dengan isi tulisannya yang berkisarkan masyarakat dan cinta. Penggunaan bahasa dan ayat-ayat yang berbunga-bunga mengindahkan lagi penulisannya. Di samping itu, elipsis iuga terdapat dalam penggunaan bahasa dalam menggambarkan estetika yang ada hubungkaitnya dengan stilistik dan linguistik, iaitu sintaksis. Perhatikan petikan berikut:

Malah, aku dibelai seronok dan asyik menikmati lanskap kampung yang dilatari hijau pepohon dan rimbun belantara. Merdu suara burung serta dingin air di kali memberikan aku sejuta ketenangan di desa ini. Paling mengusik nuraniku, saat sepasang mata lentik **dari** seraut wajah sopan berkelubung menghadirkan seuntai rinduku yang terbetik daripada perasaan mudaku. Ada bungkusan cinta yang tiba-tiba mekar di lubuk nurani ini. Cinta yang menguntum manis melebat dari hari ke hari. Lantas, kusuapinya dengan syair bicara dan gurindam kata vang berbalas kasidah cinta mulus.

(Anis:Mac 2008)

Petikan di atas mengandungi lompong elipsis yang tidak ketara kerana petikan tersebut adalah ayat yang menggunakan kata-kata puitis dan ayat yang menggambarkan unsur-unsur keindahan sastera. Namun, terdapat beberapa lompong elipsis yang boleh dilengkapkan berdasarkan hukum linguistik yang berkaitan dengan sintaksis. Sekiranya ayat tersebut dilengkapkan dan ditulis mengikut hukum linguistik, maka akan hilang estetika bahasa sasteranya. Lantaran itu, untuk melahirkan penulisan yang estetik, hukum stilistiklah yang amat sesuai digunakan seperti yang dinyatakan di bawah ini:

Malah, aku dibelai seronok dan asyik menikmati lanskap kampung yang dilatari warna hijau pepohon dan rimbun belantara. Merdu suara beberapa ekor burung serta dingin air di kali memberikan aku sejuta ketenangan di desa ini. Paling mengusik nuraniku, saat sepasang mata lentik **daripada** seraut wajah sopan berkelubung menghadirkan seuntai rinduku yang terbetik daripada perasaan mudaku. Ada bungkusan cinta yang tiba-tiba [**tumbuh**] mekar di lubuk nurani ini. Cinta yang menguntum manis semakin melebat dari hari ke hari Lantas, kusuapinya dengan syair bicara dan gurindam kata yang berbalas kasidah cinta mulus.

Contoh lain untuk penyataan bukan lisan (*non verbal*) **merenung** boleh diselitkan atau ditukar dengan perkataan yang lain untuk melengkapkan lompong elipsisnya walaupun, ayat di bawah sudah cukup difahami dalam bentuk penulisan cerpen. Contohnya, **sedang merenung** atau **masih merenung**. Begitu juga dengan **untuk**, ia boleh diselitkan antara dalam-dalam untuk mencari kepastian. **Untuk** merupakan kata sendi terbitan yang lazimnya hadir di hadapan kata atau frasa kerja, dan kata atau frasa adjektif. Ini dapat dilihat pada ayat di bawah:

Cikgu Adib **merenung** matakku dalam-dalam mencari kepastian.

(Anis : Mac 2008)

Ayat di atas akan berubah apabila diselitkan dengan perkataan yang dinyatakan mengikut hukum sintaksis.

Cikgu Adip **sedang merenung** mataku dalam-dalam **untuk** mencari kepastian.

Selain itu, pernyataan bukan lisan (*non verbal*) yang beimbuan **ter-** digunakan dengan disertai kata adjektif kelat sebagai pelengkap. Kata hubung gabungan, iaitu **sambil** dapat melengkapkan elipsis yang terdapat dalam ayat tersebut serta dapat memendekkan ayat.

Siti Fatimah **tersengih** kelat. Ada genangan air matanya yang mula berkaca. Dia memandangu dengan tidak berkelip.

(Anis : Mac 2008)

Ini dapat dilihat pada ayat di bawah:

Siti Fatimah **tersengih** kelat. Ada genangan air matanya yang mula berkaca **sambil** memandangu dengan tidak berkelip.

Seterusnya, cerpen ‘Menggapai Impian’ dalam majalah *Dewan Siswa* ini menggambarkan kesungguhan watak yang dilukiskan oleh penulis dalam mengejar cita-citanya sebagai seorang penulis. Sehubungan itu, dalam melahirkan penulisan yang menepati unsur sintaksis, iaitu binaan ayat, frasa dan klausanya terdapat beberapa elipsis dan penanda elipsis dalam cerpen ini.

“Mak janganlah bimbang apa-apa. Dina dah besar panjang. Insyallah, semuanya akan baik-baik sahaja. Lagipun, Dina dah jumpa kawan-kawan yang baik-baik [**juga**] di sini.”

(*Dewan Siswa* : Disember 2007)

Dalam ayat bualan di atas terdapat penanda elipsis yang dikaitkan dengan sintaksis, iaitu perkataan **juga** merujuk kepada frasa semuanya akan baik-baik sahaja. Selain itu, penggunaan ayat seruan yang membawa maksud kepatuhan pada ayat tersebut, terkandung unsur elipsis. Perhatikan contoh berikut:

“Baiklah mak, terima kasih!” sambut Dina cepat, diiringi senyuman manja yang manis.

(*Dewan Siswa*: Disember 2007)

Ayat tersebut boleh diperindah sekiranya mengikut tatacara stilistik iaitu penggunaan sintaksis yang jelas dan tepat seperti yang berikut:

“Baiklah emak, terima kasih **Dina ucapkan atas ingatan emak tadi!**” sambut Dina cepat.

Oleh yang demikian, elipsis adalah penggalan atau penghapusan sekurang-kurangnya satu unsur dalam sesuatu struktur ayat untuk menghasilkan satu lompong. Lompong ini dapat diisi dengan maklumat lain agar konteks keseluruhan ayat itu bertujuan untuk mendapatkan kesempurnaan makna yang hendak disampaikan oleh pengarang akan menjadi lengkap. Elipsis juga dikenali sebagai ‘penggantian kosong’ dalam ayat. Hal ini membawa maksud bahawa penghilangan unsur dalam salah satu bahagian wacana akan dapat diganti oleh unsur lain untuk menggambarkan kepadatan dan kecekapan dalam penggunaan sesuatu ayat. Penggantian ini berfungsi untuk mengelakkan ungkapan yang berlebihan.

Kajian dan analisis yang dijalankan menggunakan bahan sastera yang terdiri daripada antologi cerpen dan cerpen dalam majalah yang dapat merungkai bahawa sebenarnya elipsis berlaku dalam penulisan cerpen-cerpen tersebut. Hasil penganalisan terhadap aspek elipsis ini didapati bahawa kajian daripada segi sintaksis yang berkait rapat dengan pernyataan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*) yang dapat dikesan dalam melengkapkan dan menjawab objektif khusus kajian ini. Pengkaji juga dapat menerokai dan menampilkan sintaksis yang terkandung elipsis dengan perkaitan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*) dan seterusnya menganalisis dengan menyatakan contoh-contoh sebagai pengukuhan kajian.

5.0 KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu penganalisan terhadap elipsis yang terdapat dalam hasil karya cerpen. Penganalisan yang didasari aspek lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*) dalam karya-karya cerpen. Tumpuan analisis adalah berdasarkan tautan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*) dalam ayat dan dialog yang terdapat dalam cerpen yang berkaitan dengan penguguran kata, iaitu elipsis.

Dalam pada itu, kepentingan kajian ini, dapat membantu pengkaji dan pengkarya untuk lebih peka dalam mendalam dan memahami aspek tatabahasa agar mantap digunakan dalam karya supaya mereka tidak sewenang-wenangnya menulis menyalahi hukum tatabahasa ataupun menulis mengikut kehendak tanpa memikirkan mutu bahasa.

Kajian ini secara tidak langsung dapat menjawab dan merungkai segala yang berkaitan dengan penanda elipsis. Analisis yang meneroka unsur stilistik yang dikhususkan kepada elipsis dalam karya cerpen dapat dikaitkan dengan pernyataan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*). Dalam pada itu pengkaji juga dapat menerokai keperibadian seseorang pengarang atau penulis berdasarkan karyanya.

Berdasarkan analisis yang dibuat menggunakan karya cerpen, dapatlah dirumuskan bahawa elipsis sebenarnya wujud dalam hasil kepengarangan tanpa disedari oleh penulis dan juga khalayak pembaca. Penulis dan khalayak pembaca yang meneliti dan menguasai bidang stilistik berkemungkinan besar menyedari kehadiran elipsis ini dan mampu menganalisis aspek elipsis yang berkaitan lisan (*verbal*) dan bukan lisan (*non verbal*). Elipsis juga dapat di analisis dalam bentuk dan aspek yang berbeza, seperti pengguguran pada kata dan frasa. Kajian ini dapat dilakukan dengan lebih jauh dan meluas lagi sekiranya ada individu yang berhasrat menerokai bidang yang amat jarang dilakukan oleh pengkaji lain. Selain itu, elipsis dapat dikaitkan dengan unsur estetika dalam bahasa dan juga gaya penulisan penulis. Berdasarkan penelitian terhadap elipsis, kesinambungan kajian dalam bidang elipsis perlu diteruskan dan dipertingkatkan. Hai ini demikian kerana kajian berkaitan elipsis masih berkurangan dan usaha sebegini dapat memberi sumbangan yang besar dalam usaha memperkembangkan aspek stilistik dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dalam pada itu, bidang stilistik dapat diluaskan kajiannya dengan meneroka pelbagai aspek yang terkandung yang masih belum lagi dikaji.

Kajian mengenai penanda elipsis ini diharap akan dapat memberikan dan mendatangkan manfaat serta menambah pengetahuan pengkaji dan mereka yang berminat dalam bidang ilmu stilistik. Dalam melihat hasil kajian ini adalah amat penting kajian ini dilihat sebagai titik tolak kepada pengkaji yang peka dalam menulis terutamanya dalam menggunakan dan kepekaan terhadap elipsis dalam ayat dan dialog.

Kajian ini menarik untuk diperluas. Pengkaji mengakui dan memahami bahawa bahan perolehan kajian ini agak sukar ditemui. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bidang stilistik ini amat luas amat menarik dikaji kerana salah satu daripada aspeknya, iaitu elipsis dapat dikaji walaupun agak sukar untuk dijangkau. Setiap aspek dalaman dalam stilistik dapat mengindahkan lagi hasil karya sastera dan dapat dibawa jauh dengan lebih mendalam dan jelas.

RUJUKAN

- Arba ie Sujud. (2007). *Apresiasi Bahasa : Interpretasi & Ekspresi*. Kuala Lumpur: Sarjana Press Sdn. Bhd.
- Capman, R. (1973). *Linguistic and Literature: An Introduction to literary Stylistics*. London: Edward Arnold.
- Chacho Haji Bulah. (2008). *Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hirst, G. (1981). *Anaphora in Natural Language Understanding: A Survey*. New York: Springer.
- Mawar Shafei. (2007). *Kumpulan Cerpen Masitah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murray, J.M. (1960). *The Problem of Style*. Oxford: Oxford University Press.
- Saifullizan Yahaya. (2008). *Kumpulan Cerpen Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radiah Yusoff. (2002, Disember). Elipsis dalam Tajuk Akhbar. *Dewan Bahasa*. 2(12), p. 48-53.
- Wong Khok Seng. (1993, April). Pautan dan Pembinaan Teks dalam Bahasa Melayu Satu Tinjauan Awal . *Dewan Bahasa*. 4(4), p. 306-313.